



## THE METHODIST CHURCH IN MALAYSIA

69, Jalan 5/31, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: (603) 79541811 Fax: (603) 79541788

E-mail: [info@methodistchurch.org.my](mailto:info@methodistchurch.org.my)

Website: [www.methodistchurch.org.my](http://www.methodistchurch.org.my)

### **ARAHAN EPISKOPAL: PERJAMUAN SUCI TALIAN ADALAH DIBENARKAN - 16HB APRIL 2020**

Salam semua Presiden Konferensi

Salam Kasih.

Sila maklumkan kepada semua pelayan pastoral kami yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas di perayaan Perjamuan Suci seperti berikut:

1. Perjamuan Suci melalui talian [Perjamuan Tuhan] adalah sebagai pilihan dibenarkan untuk dilaksanakan, adalah berdasarkan pemahaman melalui, keputusan Uskup dan Majlis Presiden Gereja Methodist di Malaysia. Ini memandangkan keadaan sekatan berkumpul yang tidak menentu bila ianya akan dimansuhkan dan akibat wabak COVID-19 yang berpanjangan .

2. Sambutan Perjamuan Suci secara dalam talian boleh dilakukan samada secara live streaming atau secara pengacaraan Ibadah yang sudah dirakam.

3. Perjamuan Suci melalui talian dibenarkan kerana:

- A. Kepercayaan Methodist / Wesleyan kita merayakan Perjamuan Suci / Perjamuan Tuhan sebagai peringatan [mengingati perbuatan penebusan yang berkesan sekali dibuat oleh Kristus bagi pihak kita]; menghadapi kehadiran sebenar Kristus yang telah bangkit apabila kita mengadakan Perjamuan Tuhan; dan bahawa ia menunjukkan tanda, janji dan ikrar tentang kenyataan jamuan syurga yang menantikan orang-orang beriman di luar kehidupan ini kelak.
- B. Ini adalah tradisi Wesleyan kita untuk mengadakan secara berjadual dan dengan sebaik mungkin perayaan Perjamuan Suci yang merupakan rahmat Kristus kepada kita.

4. Ini hanya sebagai langkah sementara - kerana keadaan wabak yang belum pernah terjadi sebelumnya dan kerana PKP. Perlu ditegaskan bahawa ini hanyalah langkah sementara yang dibenarkan dalam keadaan yang belum pernah terjadi sebelumnya; tetapi amalan pilihan ini hanya akan berhenti apabila perhimpunan gereja / ibadah gereja dapat diadakan lagi.

5. Isu-Isu Praktikal yang Utama yang perlu di perhatikan:

- i. Perjamuan Suci dalam talian hendaklah dirayakan dengan penuh hormat dan teratur.
- ii. Pastor-pastor yang telah diiktiharkan akan memimpin upacara berdasarkan Liturgi Methodist Perjamuan Suci kami yang sediada.
- iii. Roti dan jus anggur akan disediakan oleh penerima / keluarga atau seperti yang diperintahkan oleh Pastor yang bertugas secara sah.
- iv. Arahan penyediaan / pengedaran / pengambilan akan mengikut arahan dari Pastor yang di lantik bertugas.

Terima kasih.

Bersama dalam Pelayan Gembala Agung yang telah bangkit,

*Uskup Ong Hwai Teik*, Uskup - Gereja Methodist di Malaysia